

UNIT 6 : DAYA

Apakah maksud daya ?

Fahami pernyataan di bawah. Tulis huruf yang mewakili kesan daya yang betul bagi setiap aktiviti dalam jadual yang berikutnya.

A - Mengubah bentuk objek

B - Mengubah arah pergerakan objek

C - Memberhentikan objek yang bergerak


D - Menggerakkan objek yang pegun

E - Mengubah kelajuan objek

Aktiviti	Kesan Daya
1. Puan Azie mengambil troli di tempat penyimpanan sebelum membeli barangan dapur.	
2. Razak membuat origami burung dengan sehelai kertas.	
3. Pasukan Gemilang mendayung kayak dengan lebih cepat apabila menghampiri garisan penamat.	
4. Penjaga gol menepis bola yang bergerak laju ke arahnya.	
5. Pemain bola jaring menangkap bola yang dilontarkan oleh teman sepasukannya.	

Jawab soalan - soalan yang berikut.

Rajah dibawah menunjukkan satu penyiasatan yang dijalankan oleh sekumpulan murid.



Jadual di bawah menunjukkan keputusan penyiasatan itu.

Permukaan	Masa yang diambil oleh kereta mainan untuk bergerak sejauh 100 cm (s)
Kaca	6
Meja kayu	8

a) Apakah tujuan penyiasatan ini?

Untuk menyiasat hubungan antara

dengan

b) Beri sebab bagi masa yang diambil oleh kereta mainan itu bergerak di atas permukaan kaca.

Masa yang diambil untuk bergerak dipermukaan kaca paling cepat

kerana

c) Ramalkan masa yang diambil oleh kereta mainan itu untuk bergerak sejauh 100 cm di atas pasir.

d) Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada penyiasatan ini?

Semakin

semakin